

**“Membantah Cadangan Untuk Menambah Masa Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Tahap I Di SJKC Dan SJKT” dan “Membantah Cadangan Untuk Memperkenalkan Mata Pelajaran Malaysia Negaraku Tahap I Di Semua Aliran Sekolah Rendah Dengan Menggunakan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pengantar Yang Tunggal”**

## **Memorandum Pertubuhan-Pertubuhan Cina**

**Kepada**

**Y. A. B. Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak  
Perdana Menteri Malaysia**

**Daripada**

- Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia
- Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
- Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia
- Malaysia Seven Major Clans Association
- Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia
- Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia
- Nanyang University Alumni Association Of Malaya

**17 Disember 2009**

### **1. Pendahuluan**

Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia, Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia, Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Besar Malaysia dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia telah menghadiri mesyuarat transformasi kurikulum yang diadakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran pada 9 November 2009. Dalam mesyuarat tersebut, BPK bercadang untuk menambah peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia tahap I di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) daripada 270 minit kepada 360 minit seminggu, yakni seperti dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan (SK). Berserta dengan perubahan ini, sukanan pelajaran dan standard peperiksaan mata pelajaran Bahasa Malaysia bagi semua aliran sekolah rendah akan diselaraskan sepertimana yang digunakan di SK supaya berada pada taraf yang sama.

Selain itu, kami juga dimaklumkan bahawa satu mata pelajaran baru, iaitu Malaysia Negaraku akan diperkenalkan mulai tahap I di semua aliran sekolah rendah dengan tujuan memupuk semangat patriotik di kalangan murid-murid dari awal persekolahan. Mata pelajaran ini diajarkan 30 minit seminggu dengan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, termasuk SJKC dan SJKT.

Memandangkan kedua-dua cadangan ini tidak selaras dengan prinsip pendidikan dan tidak mengambil kira realiti SJKC dan SJKT yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing, iaitu bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama selama ini, maka wakil pertubuhan-pertubuhan Cina yang hadir di dalam mesyuarat tersebut telah memberi pandangan bahawa tidak bersetuju dengan kedua-dua cadangan tersebut.

Selain itu, beberapa pertubuhan Tamil yang turut menghadiri mesyuarat juga menyatakan pendirian tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan BPK tersebut kerana dianggap tidak sesuai untuk SJKT.

Walau bagaimanapun, menurut maklum balas yang kami terima, Kementerian

Pelajaran Malaysia nampaknya berhasrat untuk melaksanakan kedua-dua cadangan tersebut mulai tahun 2011, iaitu menambah masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia tahap I di SJKC dan SJKT, dan juga menetapkan mata pelajaran baru Malaysia Negaraku diajarkan dalam bahasa Malaysia di semua aliran sekolah rendah. Seandainya cadangan-cadangan ini dilaksanakan, sudah pasti identiti SJKC dan SJKT yang masing-masing menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama akan terjejas, dan seterusnya membawa pengaruh negatif yang mendalam kepada pembangunan SJKC dan SJKT.

Memandangkan isu ini serius dan mendarangkan impak yang besar terhadap pendidikan negara, khasnya menjelaskan keutuhan pendidikan bahasa ibunda termasuk SJKC, maka tujuh pertubuhan Cina utama di negara ini, antaranya Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia, Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Malaysia Seven Major Clans Association, Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia, Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia dan Nanyang University Alumni Association Of Malaya dengan tulus ikhlasnya mengambil inisiatif untuk mengemukakan memorandum ini dengan tujuan memberi gambaran sebenar di SJKC dan menyampaikan saranan yang membina untuk rujukan dan pertimbangan Yang Amat berhormat Dato' Sri supaya segala keputusan yang dibuat adalah memenuhi keperluan semua aliran sekolah dan mengambil kira realiti negara kita yang mengamalkan sistem pendidikan sekolah pelbagai aliran.

## **2. Pandangan Dan Cadangan Kami Mengenai Penambahan Masa Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Tahap I Di SJKC**

2.1 Peringkat sekolah rendah merupakan wadah yang penting bagi kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan asas secara formal. Sepertimana yang ditetapkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bahawa murid-murid harus memulakan persekolahan mereka dengan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, maka bahasa Cina

telah digunakan sebagai bahasa pengantar utama di SJKC untuk memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran agar murid-murid mencapai prestasi yang maksimum dalam pelajaran mereka. Begitu juga keadaannya di SK dan SJKT yang masing-masing menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama. Ini merupakan keunikan sistem sekolah pelbagai aliran yang telah diamalkan di negara kita sejak kemerdekaan.

2.2 Berdasarkan amalan tersebut, jelas sekali identiti SJKC ialah menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama. Ini bermakna semua mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Cina di SJKC, melainkan mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Hak ini terjamin di sisi perundangan khasnya Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan 1996. Dalam pada itu, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan syarat bahawa tiada sesiapa pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan, mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain. Manakala Akta Pendidikan 1996 dalam Bahagian I, Seksyen 2 Tafsiran, jelas menyatakan bahawa “sekolah jenis kebangsaan” ertinya sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar utama; dan menjadikan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.

2.3 Sekian lama ini SJKC menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama, manakala bahasa Malaysia diajarkan sebagai satu mata pelajaran wajib. Maka persekitaran pengajaran dan pembelajaran di SJKC amat berbeza daripada SK yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. Bagi SJKC, keutamaannya ialah memperkasakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina supaya murid-murid dapat menguasai bahasa Cina dengan baik. Ini amat penting kerana di SJKC semua mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Cina kecuali mata pelajaran bahasa. Untuk tujuan ini, mata pelajaran Bahasa Cina telah diberikan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran yang paling banyak berbanding dengan mata-mata pelajaran yang lain, iaitu 360 minit seminggu di tahap I dan 300 minit seminggu di tahap II. Keadaan ini sama dengan peruntukan masa bagi mata

## **pelajaran Bahasa Malaysia di SK dan mata pelajaran Bahasa Tamil di SJKT**

- 2.4 Oleh yang demikian, sukatan pelajaran dan standard peperiksaan mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC juga berlainan dengan SK. Perbezaan seperti ini adalah logik dan menepati prinsip pendidikan, kerana berbanding dengan bahasa lain, kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bahasa pengantar utama sememangnya tidak sama, antaranya termasuk peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran, penyediaan sukatan pelajaran, penggunaan bahan-bahan mengajar dan sebagainya yang berkaitan, supaya sesuai dengan kebolehan dan keperluan murid-murid.
- 2.5 Sepertimana yang dikatakan di atas, peringkat sekolah rendah bagi wadah yang menyediakan pendidikan asas, maka peringkat ini, khasnya tahap I merupakan tempoh yang amat penting untuk memantapkan penguasaan asas murid-murid terhadap pelajaran mereka supaya memudahkan mereka apabila melangkah ke tahap II, dan seterusnya ke peringkat sekolah menengah. Lantaran itu, murid-murid harus diajar mengikut kesesuaian proses perkembangan kognitif mereka dan menepati prinsip pengajaran dan pembelajaran, tetapi bukan bertindak secara paksa atau melakukan sesuatu di luar kebolehan murid-murid. Perbuatan tidak wajar ini bukan sahaja mengingkari prinsip pengajaran dan pembelajaran, malah membebankan murid-murid sehingga hilang minat atau timbul rasa bosan terhadap pelajaran mereka. Dalam konteks ini, sekiranya cadangan menambah masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dilaksanakan di SJKC, dan seterusnya sukatan pelajaran dan standard peperiksaannya diselaraskan seperti yang diamalkan di SK, sudah pasti sebilangan besar murid-murid SJKC akan terkorban kerana mereka tidak terdaya mempelajari sesuatu yang melebihi batas kebolehan mereka.
- 2.6 Cadangan BPK menunjukkan bahawa dengan pertambahan masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia, sekaligus menjadikan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhan di SJKC ialah 1470 minit (49 waktu) seminggu, yakni 90 minit (3 waktu) lebih banyak daripada SK yang hanya diperuntukkan 1380 minit (46 waktu) seminggu. Ini jelas

tidak adil kepada murid-murid SJKC kerana menggandakan lagi beban mereka. Selama ini kurikulum sekolah rendah yang sedia ada pada umumnya dianggap terlalu berat untuk murid-murid, khasnya bagi SJKC dan SJKT yang mempelajari tiga jenis bahasa. Maka tindakan memanjangkan lagi masa pengajaran dan pembelajaran di SJKC dan SJKT sudah pasti memburukkan lagi keadaan sedia ada, terutamanya menyebabkan murid-murid menghadapi tekanan yang lebih teruk.

2.7 Sebenarnya peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC yang dilaksanakan sekarang, iaitu 270 minit seminggu di tahap I dan 180 minit di tahap II adalah mencukupi. Sebaliknya bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta perguruan Bahasa Malaysia harus diberi perhatian supaya penguasaan bahasa Malaysia di kalangan murid-murid SJKC dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan. Berdasarkan maklum balas daripada guru-guru besar, guru-guru dan ibu bapa, buku-buku teks Bahasa Malaysia yang digunakan di SJKC tidak sesuai bagi pengajaran dan pembelajaran murid-murid kerana isi kandungannya tidak mengambil kira keadaan sebenar di SJKC, iaitu bahasa Malaysia bukan bahasa ibunda bagi kebanyakan murid-murid SJKC, walhal keadaan ini telah menjaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di SJKC. Kami berpendapat bahawa peringkat sekolah rendah merupakan tempoh yang penting bagi menanam minat murid-murid untuk belajar dan seterusnya menguasai bahasa, sekiranya buku teks yang digunakan tidak sepadan dengan kebolehan murid-murid secara umum, misalnya terlalu sukar untuk difahami, lama-kelamaan murid-murid akan kehilangan minat untuk terus mempelajari bahasa berkenaan. Maka adalah tidak munasabah dan tidak ada gunanya sukanan pelajaran ditingkatkan tarafnya tetapi murid-murid tidak berdaya untuk mengikutinya.

2.8 Guru bahasa memainkan peranan yang penting untuk memastikan murid-murid menguasai sesuatu bahasa. Maka kami mencadangkan Kementerian Pelajaran menganjurkan program latihan perguruan yang menawarkan kursus pengajian dalam dua major, iaitu Bahasa Cina dan Bahasa Malaysia untuk memastikan adanya guru-guru dwibahasa yang berkelayakan mengajar mata pelajaran

Bahasa Malaysia di SJKC supaya mencapai kesan pengajaran dan pembelajaran secara optimum dan meningkatkan tahap penguasaan bahasa Malaysia secara keseluruhan di kalangan murid-murid SJKC.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, kami tidak bersetuju dengan cadangan menambah masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia tahap I di SJKC. Demi meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia di kalangan murid-murid SJKC, kami mencadangkan BPK mengambil langkah untuk menyemak semula sukanan pelajaran dan buku teks mata pelajaran Bahasa Malaysia yang digunakan di SJKC, dan seterusnya membuat pengubahsuaian yang wajar supaya menepati prinsip pendidikan dan sepadan dengan taraf sebenar murid-murid secara umum.

### **3. Pandangan Dan Cadangan Kami Mengenai Mata Pelajaran Malaysia Negaraku**

- 3.1 Mata pelajaran Malaysia Negaraku diperkenalkan untuk menyemai rasa cinta kepada negara dan memupuk semangat perpaduan di kalangan murid-murid. Kami berpendapat bahawa nilai-nilai yang murni ini boleh diserap dan diterapkan ke dalam mata-mata pelajaran yang sedia ada, tidak perlu mengadakan satu mata pelajaran yang baru untuk tujuan ini. Pada hakikatnya, nilai-nilai seperti ini termasuk semangat patriotik dan perpaduan telah lama berada dalam mata-mata pelajaran yang sedia ada.
- 3.2 Sekiranya mata pelajaran Malaysia Negaraku diajarkan dalam bahasa Malaysia di semua aliran sekolah rendah, maka pelaksanaan ini bukan sahaja bertentangan dengan identiti SJKC dan SJKT yang masing-masing menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama, malah juga melanggar peraturan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, iaitu sepertimana yang telah kami huraikan pada perkara 2.2 di atas.

Lantaran itu, kami tidak bersetuju dengan cadangan memperkenalkan mata pelajaran Malaysia Negaraku yang diajarkan dalam bahasa Malaysia di semua aliran sekolah rendah. Sebaliknya kami menyarankan supaya nilai-nilai murni yang ingin disampaikan melalui Malaysia Negaraku diserap dan diterapkan ke dalam

mata-mata pelajaran yang sedia ada, misalnya Pendidikan Moral dan sebagainya yang dianggap sesuai agar tidak membebankan lagi murid-murid dengan menambahkan satu lagi mata pelajaran yang baru.

## **1. Penutup**

Baik dari segi prinsip pendidikan mahupun berdasarkan identiti SJKC yang menggunakan bahasa ibunda, iaitu bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama, kami secara tegasnya membantah cadangan-cadangan Kementerian Pelajaran yang akan membawa perubahan kepada identiti, keunikan dan keutuhan SJKC, termasuk cadangan menambah masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC supaya menggunakan sukanan pelajaran, bahan-bahan mengajar dan peperiksaan yang sama dengan SK. Begitu juga kami tidak bersetuju dengan cadangan yang menetapkan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bersama bagi semua aliran sekolah rendah untuk mengajar mata pelajaran Malaysia Negaraku.

Memorandum ini disediakan dengan penuh ikhlas dan hasrat untuk membantu mewujudkan pendidikan negara yang sempurna dan berdaya saing, di samping dorongan hati suci untuk mengekalkan identiti dan keunikan sistem sekolah pelbagai aliran. Justeru itu, memorandum ini juga menyampaikan keimbangan masyarakat Cina terhadap cadangan-cadangan Kementerian Pelajaran yang akan mengubah identiti SJKC. Maka besarlah harapan kami agar sudilah kiranya Yang Amat Berhormat Dato' Sri memberi pertimbangan yang saksama dan adil terhadap pandangan dan cadangan yang dikemukakan dalam memorandum ini supaya tindakan yang sewajarnya akan diambil demi kepentingan pendidikan negara serta memenuhi realiti dan keperluan negara kita yang berbilang kaum.

## **Pertubuhan-Pertubuhan Yang Menandatangani Memorandum:**

1. Dr. Yap Sin Tian  
Pengerusi,  
Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia  
(Dong Zong).
2. Ong Chiow Chuen  
Pengerusi,  
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong).
3. Lau Chee Boon  
Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Sumber Manusia,  
Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong).
4. Dato' Koong Heng Sze  
Pengerusi,  
Malaysia Seven Major Clans Association.
5. Tan Pong Soo  
Pemangku Pengerusi,  
Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia.
6. Yau Teck Kang  
Pengerusi,  
Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia.
7. Low Hing King  
Pengerusi,  
Nanyang University Alumni Association Of Malaya.